

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

# تراقي كجيواعن TERAPI KEJIWAAN

**TAJUK:**  
**Pentingnya Zikrullah  
Dalam Situasi Pandemi**



كَمَنْتَرِينِ حَاجَاتِكُمْ اَلْحَقَامِ

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM





*“Sambil teranah di rumah dan mematuhi SOP, marilah kita berdoa dan seterusnya membanyakkan istighfar dan memohon ampun kepada Allah dengan bertaubat atas segala dosa-dosa dan maksiat serta bertekad tidak akan mengulanginya...”*

(Klip Video Pesanan Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama pada Sabtu, 12 Muharram 1443 bersamaan 21 Ogos 2021.)

# Pentingnya Zikrullah Dalam Situasi Pandemi

## Ayat Al-Quran

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

الَّذِينَ آمَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ

Tafsirnya: "(Iaitu) orang-orang yang beriman dan hati mereka tenteram dengan zikrullah (mengingat Allah Subhanahu wa Ta'ala). Ketahuilah dengan zikrullah itu hati menjadi tenteram" (Ar-Ra'd 28)

## Hadith Rasulullah ﷺ

Daripada Abu Hurairah dan Abu Sa'id al-Khudri bahawa mereka menyaksikan Rasulullah ﷺ bersabda, yang maksudnya:

"Tidaklah suatu kaum berzikir kepada Allah kecuali para malaikat mengelilingi mereka, rahmat menaungi mereka, ketenangan turun ke atas mereka dan Allah menyebut-nyebut mereka kepada (para malaikat) yang berada di sisi-Nya". (Jami' al-Tirmizi).

## Titah

Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah: *"Beta insya' Allah, akan terus berazam untuk menjadikan Brunei Darussalam sebuah 'Negara Zikir' yang sentiasa mengagungkan Allah, supaya kita selalu berada dalam perhatian dan pemeliharaan-Nya, sesuai dengan janji-Nya di dalam surah al-Baqarah ayat 152, tafsirnya "Kamu ingat Aku, nescaya Aku akan mengingati kamu pula".* (Titah sempena Hari Raya Aidiladha 1428 Hijrah)

## Zikrullah Dengan Lisan, Hati & Anggota

Gerakkanlah seluruh anggota badan kita untuk berzikir kepada Allah:

- Lisan: Dengan melafazkan kalimah-kalimah zikir seperti tahlil, tahmid, tasbih, asmaul husnaa dan lain-lain.
- Hati: Dengan bertafakkur merenungkan tanda-tanda kebesaran dan keagungan Allah dan hati mengakui dan membesarkan keagungan dan kebesaran Allah.
- Anggota: Dengan cara mempergunakan segala kekuatan dan kemampuan fizikal kita untuk mentaati perintah Allah dan menjauhi larangannya.

## Kelebihan Zikir

Antara kelebihan zikir ialah:-

- Memberikan ketenangan dan kebersihan kepada hati / jiwa.
- Menghilangkan keresahan, kebimbangan dan kelalaian.
- Menambah rasa cinta dan syukur kepada Allah.
- Mendapatkan ganjaran yang besar dan darjat yang tinggi di sisi Allah.
- Memperoleh keberuntungan dan kebahagiaan dalam kehidupan.
- Menyelamatkan diri daripada azab api neraka.

## Nasihat YB Menteri KHEU

"Sambil teranah di rumah dan mematuhi SOP, marilah kita berdoa dan seterusnya membanyakkan istighfar dan memohon ampun kepada Allah dengan bertaubat atas segala dosa-dosa dan maksiat serta bertekad tidak akan mengulanginya..."

- Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

## Kata Alim Ulama

Imam Al-Ghazalie berkata: "Keutamaan dalam melaksanakan zikir ada empat, yaitu pertama, menjadikan orang tidak mudah lupa dan lalai, ketiga memberikan dorongan dan semangat dalam menghadapi masalah kehidupan, dan keempat mententeramkan jiwa."

## Doa Mufti Kerajaan

"Allahumma ya Allah, kami pohonkan keampunanMu hanya Engkau jualah yang berhak mengampunkan itu. Ya Allah, kami pohonkan pertolonganMu, hanya Engkau jualah yang berhak memberikan pertolongan itu. Kami datang kepadaMu ya Allah, kerana Engkau sahaja yang tidak pernah menutup pintuMu kepada siapa sahaja dari kalangan hambahMu. Kami datang ya Allah ya Kami datang kerana Kami sudah tiada daya upaya lagi untuk menolak dan melawan Covid-19 melainkan cuma dengan pertolonganMu jua..."

Ya mohon, mohon ya Allah. Berkat ayat-ayatMu yang telah kami baca, Ayat Al-Kursi, Ayat Hasbunallahu wa Ni'mal Wakil, Surah Yaasin, Selawat ke atas NabiMu Sayyiduna Muhammad ﷺ dan doa-doa yang diajarkan oleh Baginda. Mohon, mohon ya Allah supaya Engkau bebaskanlah kami, bebaskan negara kami dan bahkan bebaskan dunia seluruhnya dari cengkaman pandemik Covid-19. Bebaskan kami ya Allah supaya kami dapat memeriahkan semula rumah-rumahMu - mesjid-masjid Kami rindu rumahMu ya Allah, kami rindu untuk sujud di dalamnya, kami rindu dan kami rindu...

- Doa Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz Bin Juned, Mufti Kerajaan

## Pentingnya Zikrullah Dalam Situasi Pandemi

Marilah kitani sama-sama terus mengingat Allah Ta'ala (zikrullah) dalam situasi pandemik ini dengan memperbanyak berdoa, istighfar, membaca Surah Yaasin, Solat Taubat dan bertaubat kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala.

- ❖ Rasulullah ﷺ telah bersabda, yang bermaksud: “Barangsiapa yang suka Allah mengabulkan doanya ketika susah dan menderita, maka hendaknya ia memperbanyak doa ketika lapang.” (Hadith Riwayat Tirmidzi dan Hakim)
- ❖ Rasulullah ﷺ juga telah bersabda, yang bermaksud: “Barangsiapa yang melazimi istighfar, Allah menjadikan untuknya bagi setiap kesempatan itu jalan keluar, setiap kebimbangan itu kelapangan dan Allah juga mengurniakan kepadanya rezeki dari arah yang tidak disangka-sangka”. (Hadith Riwayat Abu Daud)
- ❖ Rasulullah ﷺ diriwayatkan telah melazimkan istighfar (memohon keampunan kepada Allah Ta'ala) sebanyak seratus kali dalam sehari dan dalam riwayat lain 70 kali dalam sehari.

Mudah-mudahan Allah Ta'ala akan terus menerus menganugerahkan kepada kita semua kesihatan, ke'afiatan, rezeki yang halal dan banyak, umur yang penuh keberkatan dan keselamatan di dunia dan akhirat.

Allahumma Ya Allah kami bermohon padaMu lidah yang basah mengingatiMu hati yang penuh dengan rasa syukur terhadap Mu dan tubuh badan yang sihat lagi mudah untuk menta'atiMu.

والله ولي التوفيق